

3 syarat eksport sarang burung walet ke China

KUALA LUMPUR 17 Jan. - Mulai tahun ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menetapkan tiga syarat terhadap pengusaha-pengusaha sarang burung walet untuk mengeksport produk tersebut ke China.

Menterinya, Datuk Seri Noh Omar berkata, pengusaha terbabit perlu mendapatkan sijil perakuan daripada Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sekali gus melayakkan mereka memperoleh perakuan jenama 1Malaysia Best pada setiap produk tersebut.

Katanya, ia bertujuan memastikan kualiti sarang burung tersebut memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh kerajaan China.

“Sijil dari Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah bagi memastikan sarang burung tersebut tiada risiko jangkitan penyakit haiwan dan selamat untuk dimakan.

“Sementara sijil pengenalan frekuensi radio (RFID) dari SKMM diperlukan untuk membolehkan sarang burung walet yang bermasalah dikesan menggunakan gelombang frekuensi radio untuk menentukan lokasi ‘rumah’ sarang burung berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada si-



NOH Omar (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada ahli kimia, Cassie Lee (kiri) selepas merasmikan Pusat Dagangan dan Depositori Sarang Burung Autentik 1Malaysia di Puchong, dekat Kuala Lumpur, semalam.

dang akhbar selepas merasmikan Pusat Dagangan dan Depositori Sarang Burung Autentik 1Malaysia

yang pertama di Puchong dekat sini semalam.

Menurut Noh, syarikat berkena-

an juga perlu mengenal pasti sebuah syarikat di China sebagai rakan perniagaan bagi memudahkan eksport

sarang burung walet dari Malaysia dipantau.

“Syarikat di China itu pula mesti melakukan promosi bahawa hanya produk sarang burung walet jenama 1Malaysia Best sahaja yang dijamin kualitinya dan selamat untuk dimakan,” ujarnya.

Tambah beliau, antara lain, tindakan tersebut akan memulihkan kembali industri tersebut yang mengalami masalah pemasaran ke luar negara akibat dakwaan produk itu mempunyai kandungan nitrit yang boleh membahayakan kesihatan.

“Pada 2011, kerajaan China telah melaksanakan penguatkuasaan kandungan nitrit sifar yang mengakibatkan kejatuhan mendadak harga sarang burung walet sehingga ke paras 50 peratus,” ujarnya.

Mengulas lanjut mengenai polisi kerajaan China tersebut, beliau berkata, ketika ini Kementerian Kesihatan kedua-dua negara sedang berbincang bagi mencapai kata sepakat mengenai kandungan nitrit yang dibenarkan.

Sementara itu, katanya, kementerian itu juga akan melaksanakan penguatkuasaan undang-undang bagi mengawal mana-mana individu termasuk pelancong membawa sarang burung walet lebih daripada satu kilogram ke luar negara.